

DOMAIN ASAS HUBUNGAN KEKELUARGAAN DALAM INOVASI KAUNSELING KELUARGA ISLAM

Zainab Ismail

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
zainab@ukm.edu.my*

ABSTRACT

Divorce, property disputes, custody of children, neglect of spouses, abandonment of children, and parental neglect are a part of family issues. These family issues are placing increasing demands on family counseling services. However, in terms of social changes at present, counselors must do an innovation on family therapy that has been applied in family counseling session. Therefore, this article is aimed to investigate domain of family relationship foundations in an innovation of Islamic family counseling. This article is a conceptual paper. To gather data, the study used a research design namely exploratory research. Data had been collected through document analysis, and analyzed using thematic approach. The results showed that domain of family relationship foundations in an innovation of Islamic family counseling were mawaddah and rahmah. The domains are not an assumption, but they are developed by Allah SWT as a formula in family relationship. These both domains have given an impact on counseling organization and family counselor especially in terms of operational standard method of measurement in which can be applied on clients in Islamic family counseling effectively.

Keywords: Domain, Family relationship foundations, Family counseling, Innovation of family counseling, Factors of family crisis

ABSTRAK

Perceraian, perebutan harta, perebutan hak penjagaan anak-anak, pengabaian hak pasangan, pengabaian hak anak-anak dan pengabaian hak ibu bapa adalah sebahagian daripada isu keluarga. Isu keluarga ini menjadikan permintaan kepada perkhidmatan kaunseling keluarga semakin meningkat. Namun begitu, dalam konteks perubahan sosial hari ini, para kaunselor perlu melakukan inovasi terhadap terapi keluarga yang diaplikasikan dalam sesi kaunseling keluarga. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengkaji domain asas hubungan kekeluargaan dalam inovasi kaunseling keluarga Islam. Makalah ini merupakan kertas konsep. Untuk memperoleh data, kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan eksploratori. Data dikumpul melalui analisis dokumen dan dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Hasil kajian menunjukkan domain asas hubungan kekeluargaan dalam inovasi kaunseling keluarga Islam ialah mawaddah dan rahmah. Domain ini bukan suatu andaian, tetapi ia merupakan suatu formula yang telah dibina oleh Allah SWT dalam hubungan kekeluargaan. Kedua-dua domain ini memberi implikasi ke atas organisasi kaunseling dan kaunselor keluarga khususnya dari segi pelaksanaan kaedah pengukuran yang standard yang dapat diaplikasikan dengan berkesan kepada klien dalam sesi kaunseling keluarga Islam.

Kata kunci: Domain, Asas hubungan kekeluargaan, Kaunseling keluarga, Inovasi kaunseling keluarga, Punca krisis keluarga

PENDAHULUAN

Kaunseling keluarga adalah satu proses memberi bantuan daripada seorang kaunselor kepada suatu keluarga dalam suatu sesi kaunseling secara bersemuka dengan menggunakan teknik psiko terapeutik untuk meneroka dan cuba mengubah masalah emosi semasa yang saling berkait dalam kalangan ahli keluarga dengan cara mengubah corak interaksi mereka yang tidak berfungsi (Goldenberg & Goldenberg 1991; Sofyan 2015). Kaunseling keluarga mula berkembang di Eropah pada awal abad ke-20M, kemudian terus berkembang di Amerika Syarikat dan di seluruh dunia. Hingga kini terdapat pelbagai teori yang diperkenalkan dalam kaunseling keluarga. Antaranya ialah Terapi Keluarga Sistem Bowen, Terapi Keluarga Struktur dan Terapi Keluarga Komunikasi.

Walaupun pelbagai teori dan terapi keluarga diperkenalkan, namun asas terapi dalam kaunseling keluarga tersebut tidak dirujuk kepada fitrah dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sebagai pencipta manusia lelaki dan perempuan. Oleh kerana itu, terdapat isu-isu dalam keluarga yang tidak dapat dibantu mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Situasi ini menjadikan sistem dalam institusi keluarga tidak stabil dan harmoni. Antaranya ialah perceraian, perebutan harta, perebutan hak penjagaan anak-anak, pengabaian hak pasangan, pengabaian hak anak-anak dan pengabaian hak ibu bapa terus berlaku dalam masyarakat.

Berdasarkan Data dan Maklumat Kekeluargaan/Sosial Masyarakat Islam Malaysia (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2017), dari tahun 2011-2015, jumlah pendaftaran nikah mengikut negeri di Malaysia sentiasa meningkat dan tinggi jika dibandingkan dengan jumlah pendaftaran cerai mengikut negeri. Jumlah pendaftaran nikah mengikut negeri meningkat dari 140,535 pada tahun 2011 kepada 148,806 (2012), 156,674 (2013), 159,851 (2014) dan 174,321 (2015). Begitu juga jumlah pendaftaran cerai mengikut negeri meningkat dari 27,355 pada tahun 2011 kepada 29,253 (2012), 29,583 (2013), 33,842 (2014) dan 36,732 (2015). Walaupun jumlah pendaftaran cerai mengikut negeri adalah sedikit iaitu antara 29,253 hingga 36,732 jika dibandingkan dengan jumlah perkahwinan iaitu antara (140,535 hingga 174,321), namun jumlah perceraian ini adalah suatu perbuatan halal yang sangat dibenci oleh Allah SWT.

Terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam bagi mengembalikan keharmonian hidup berumah tangga, namun dari tahun 2011-2015, jumlah pendaftaran rujuk mengikut negeri adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan jumlah pendaftaran cerai (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2017). Pada tahun 2011, jumlah pendaftaran rujuk mengikut negeri adalah seramai 3429, kemudian diikuti 4367 (2012), 3807 (2013), 4260 (2014) dan 4513 (2015). Bagi membantu keluarga memperkasakan semula sistem keluarga dan mencapai keharmonian keluarga, kaunseling keluarga perlu melakukan perubahan dan pembaharuan terapi. Perubahan dan pembaharuan terapi dalam kaunseling keluarga ini perlu berpaksikan kepada fitrah dan peraturan penciptaan manusia lelaki dan perempuan sehingga wujud mutual expectation dalam diri semua ahli keluarga. Terapi keluarga dari perspektif Barat boleh diaplikasikan sebagai terapi keluarga khusus untuk kes-kes berkaitan komunikasi dan struktur. Namun, untuk merawat jiwa manusia dari segi tujuan dan matlamat penciptaannya sebagai manusia perlu kepada asas terapi Islam. Persoalannya ialah apakah domain asas hubungan kekeluargaan

dalam inovasi kaunseling keluarga Islam? Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis domain asas dalam hubungan kekeluargaan yang boleh diaplikasikan dalam inovasi kaunseling keluarga Islam.

METODE, LIMITASI DAN SIGNIFIKAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif, kajian ini menggunakan kaedah kajian berasaskan soalan inkuiri iaitu (1) mengenal pasti apakah punca krisis dalam keluarga dan (2) mengkaji apakah domain asas hubungan kekeluargaan dalam inovasi kaunseling keluarga Islam. Makalah ini merupakan kertas konsep. Oleh kerana itu, jawapan kepada kedua-dua soalan inkuiri ini adalah berasaskan kajian tinjauan literatur yang dikumpul daripada analisis dokumen atau data sekunder.

Oleh itu, kajian ini membataskan kaedah pengumpulan data dengan memilih reka bentuk penyelidikan eksploratori. Penyelidikan eksploratori ini dipilih adalah kerana kajian ini memerlukan data untuk menjawab soalan inkuiri “apa” (Ananda Kumar 2009). Data dalam kajian ini adalah data kualitatif yang dikumpul daripada analisis dokumen. Kesemua data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik.

Signifikan kajian ini adalah kerana ia dapat menjadi pangkalan data dan dapat mengesyorkan hipotesis atau teori yang boleh diuji oleh penyelidik-penyelidik lain. Melalui kajian ini, organisasi kaunseling dan para kaunselor dapat menggunakan domain asas hubungan kekeluargaan dan dapat merancang satu penyelidikan inovasi dalam kaunseling keluarga Islam. Ringkasnya, signifikan kajian ini ialah ia dapat mencadangkan suatu penyelidikan lanjutan pada masa akan datang.

PUNCA KRISIS DALAM KELUARGA

Punca berlaku krisis dalam keluarga adalah kerana jiwa manusia tidak tenang. Jiwa yang tidak tenang berlaku apabila seseorang melakukan sesuatu yang bertentangan dengan fitrah kejadiannya (Sofyan 2015; Zainab 2001; Zainab 2016). Ini adalah kerana dalam diri manusia terdapat tiga tabiat jiwa iaitu ingin tunduk dan berkuasa, ingin mengetahui dan ingin berkenalan (Mustafa 1952).

1. Tabiat jiwa ingin tunduk dan berkuasa

Tabiat jiwa ingin tunduk ialah suatu keinginan dalam diri seseorang untuk tunduk kepada orang yang pada persepsinya orang itu lebih kuat dan berkebolehan daripadanya sama ada dari segi tenaga, fikiran, ilmu, kepandaian, kesopanan dan keagamaan, manakala tabiat jiwa ingin berkuasa ialah keinginan dalam diri seseorang untuk berkuasa atas orang lain yang pada persepsinya orang itu rendah atau kurang daripadanya (Mustafa 1952). Dengan kata lain, dalam diri manusia terdapat jiwa yang suka untuk tunduk kepada orang yang dianggap lebih berkepentingan daripadanya dan suka untuk berkuasa ke atas orang yang dianggap lemah daripadanya. Oleh kerana ketiga-tiga tabiat jiwa manusia ini iaitu ingin tunduk dan berkuasa, ingin mengetahui dan ingin berkenalan adalah tabiat jiwa yang dicipta oleh Allah SWT, maka untuk memahaminya juga perlu kepada terapi yang disediakan oleh Allah SWT.

Untuk membantu manusia merawat tabiat jiwa ingin tunduk dan berkuasa, manusia perlu memastikan setiap perbuatan, perkataan dan pengakuannya adalah tunduk dan patuh kepada ketauhidan Allah SWT seperti yang difirmankan Allah SWT

dalam al-Quran, Surah Fatir 35: 2-3 yang bermaksud “Apa jua jenis rahmat yang dibukakan oleh Allah kepada manusia, maka tidak ada sesuatu pun yang dapat menahannya, dan apa jua yang ditahan oleh Allah maka tidak ada sesuatu pun yang dapat melepaskannya sesudah itu. Dan (Ingatlah!) Dia-lah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Amat Bijaksana”. “Wahai manusia! Kenangkanlah nikmat Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu, tidak ada sama sekali yang menjadikan sesuatu selain daripada Allah, ia memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi, tiada Tuhan melainkan Dia, maka mengapa kamu rela dipalingkan (dari menyembahnya)?”.

Allah SWT juga berfirman dalam al-Quran, Surah al-Zumar 39: 11-14 yang bermaksud “Katakanlah lagi, (Wahai Muhammad): “Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan segala ibadah kepada-Nya”, “Dan aku diperintahkan supaya menjadi orang yang awal pertama berserah diri bulat-bulat (kepada Allah)”, “Katakanlah lagi: “Sesungguhnya aku takut - jika aku mendurhaka kepada Tuhanku -akan azab hari yang besar (soal jawabnya)”, “Katakanlah lagi: “Allah jualah yang aku sembah dengan mengikhhlaskan amalan agamaku kepadanya”.

2. Tabiat jiwa ingin mengetahui

Tabiat jiwa ingin mengetahui ialah suatu keinginan dalam diri seseorang untuk mempunyai maklumat dan pengetahuan. Untuk membantu manusia merawat tabiat jiwa ingin mengetahui, manusia perlu memastikan setiap perbuatan, perkataan dan pengakuannya adalah berasaskan kepada celik al-Quran seperti yang difirmankan Allah SWT dalam al-Quran, Surah al-Baqarah 2: 2 yang bermaksud “Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya), ia pula menjadi pertunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa”.

3. Tabiat jiwa ingin berkenalan

Tabiat jiwa ingin berkenalan ialah suatu keinginan dalam diri seseorang untuk berkawan, bergaul dan bersosial. Untuk membantu manusia merawat tabiat jiwa ingin berkenalan, manusia perlu memastikan setiap perbuatan, perkataan dan pengakuannya adalah berasaskan kepada ketaqwaan kepada Allah SWT seperti firman Allah SWT dalam al-Quran, Surah al-Hujurat 49:13 yang bermaksud “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui, lagi amat mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran ini dapat dirumuskan bahawa punca krisis dalam keluarga adalah kerana tiga kecuaiannya manusia itu sendiri iaitu (1) ketauhidan kepada Allah SWT (Surah Fatir: 2-3; Surah al-Zumar: 11-14); (2) celik al-Quran (Surah al-Baqarah: 2); dan ketaqwaan kepada Allah SWT (Surah al-Hujurat: 13). Bagi mencapai ketenangan dalam keluarga, Allah SWT berfirman dalam al-Quran, Surah al-Fajr 89: 27-30 yang bermaksud “Wahai jiwa yang tenang!” “Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang redha dan diredhai-Nya”. “Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hamba-Ku”. “Dan masuklah ke dalam syurga-Ku”. Ayat ini menerangkan manusia yang dipanggil “jiwa yang tenang” ialah manusia yang diseru oleh Allah SWT untuk kembali kepada-Nya dengan hati yang redha dan diredhai-Nya

dan Allah SWT akan menunaikan janji-Nya kepada mereka dengan memasukkan mereka ke dalam kategori hamba-hamba Allah SWT dan mendapat syurga pada hari kiamat nanti (Ibn Kathir 2009).

DOMAIN ASAS HUBUNGAN KEKELUARGAAN

Domain asas hubungan kekeluargaan dalam Islam boleh dirujuk dalam al-Quran, Surah al-Rum 30: 21 yang bermaksud “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”.

Dalam ayat ini terdapat dua domain asas hubungan kekeluargaan dalam Islam. Dua domain tersebut ialah kasih sayang (mawaddah) dan belas kasihan (rahmah). Mawaddah dan rahmah adalah asas kepada sakinah atau ketenangan (Zainab 2001; al-Zuhaili 2009). Menurut al-Zuhaili (2009), sakinah akan muncul dalam keluarga apabila ada perasaan mawaddah antara suami dan isteri dan apabila ada perasaan mawaddah, akan lahir pula perasaan rahmah. Sakinah ialah ketenangan jiwa dan fizikal (al-Razi t.th.). Pandangan al-Razi (t.th.) ini bermaksud ketenangan fizikal adalah permulaan dalam kehidupan suami isteri, manakala ketenangan jiwa adalah objektif utama dalam kehidupan suami isteri. Sakinah juga digambarkan sebagai suatu situasi dan tempat yang damai dari segi fizikal, mental dan psikologi (Siti Zubaidah & Muhamad Zahiri 2016; Zainab 2001).

Dalam konteks kajian ini, yang dimaksudkan dengan sakinah dalam keluarga ialah situasi harmoni yang dirasai oleh setiap individu dalam keluarga. Berdasarkan Surah al-Rum: 21, sakinah dalam keluarga akan muncul apabila setiap individu dalam keluarga mempunyai emosi mawaddah dan rahmah.

1. Mawaddah

Mawaddah ialah perasaan yang muncul dalam diri suami isteri semasa melakukan hubungan kelamin dan juga merupakan keadaan keperluan diri seseorang (al-Razi t.th.). Mawaddah juga ialah perasaan yang wujud untuk mencintai, menyukai dan berkawan (Siti Zubaidah & Muhamad Zahiri 2016; Zainab 2001). Ini bererti perasaan mawaddah adalah perasaan yang pertama muncul dalam diri pasangan, kemudian baru disusuli dengan rahmah. Oleh kerana itu, pasangan suami isteri tidak akan menjadikan kehendak nafsu sebagai tumpuan utama apabila telah berusia atau sakit. Namun ia berlainan dengan perasaan rahmah yang tetap akan berpanjangan dalam kehidupan suami isteri (Siti Zubaidah & Muhamad Zahiri 2016).

2. Rahmah


Rahmah ialah perasaan kasihan belas dan simpati (Siti Zubaidah & Muhamad Zahiri 2016). Rahmah juga boleh diertikan sebagai sifat sejahtera di antara dua manusia yang mengandungi unsur pergaulan yang baik, kata-kata yang lembut dan ikhlas memberi nasihat (al-Kubaysi 2003). Perasaan rahmah muncul dalam diri suami isteri apabila adanya zuriat. Ia juga merupakan suatu keadaan keperluan pasangan kepada pasangannya dan suatu perasaan yang akan berpanjangan dalam kehidupan suami isteri (al-Razi t.th.). Perasaan rahmah yang ada dalam diri ibu bapa dapat mendidik

dan membesarkan anak-anak dengan lemah lembut, kasih sayang dan dapat membesar mereka mengikut fitrah mereka sebagai khalifah Allah SWT (Abdullah Nasih Ulwan 1985).

PERBINCANGAN

Konflik keluarga kebiasaannya diselesaikan di Mahkamah Syariah (Sharifah Zaleha & Cederroth 1997). Masalah utama yang menjadi krisis dalam keluarga adalah kerana manusia mempunyai tiga tabiat jiwa iaitu jiwa ingin tunduk dan berkuasa, jiwa ingin mengetahui dan jiwa ingin berkenalan (Sofyan 2015; Mustafa 1952; Zainab 2001; Zainab 2016). Bagi membantu anggota keluarga keluar daripada krisis dalam keluarga, ketiga-tiga tabiat jiwa ini perlu diberi hala tuju. Hala tuju untuk tabiat jiwa ingin tunduk dan berkuasa ialah ketauhidan kepada Allah SWT, tabiat jiwa ingin mengetahui ialah celik al-Quran dan tabiat jiwa ingin berkenalan ialah ketaqwaan.

Untuk merawat krisis keluarga, terdapat dua domain asas hubungan kekeluargaan dalam Islam yang perlu dijadikan platform kepada inovasi dalam kaunseling keluarga Islam. Dua domain asas hubungan kekeluargaan dalam Islam tersebut ialah mawaddah dan rahmah. Hanya melalui mawaddah dan rahmah, sesebuah keluarga itu akan mencapai kestabilan dan keharmonian (sakinah) (al-Kubaysi 20013; al-Razi t.th.; Siti Zubaidah & Muhamad Zahiri 2016; Zainab 2001; al-Zuhaili 2009). Melalui mawaddah dan rahmah juga sesebuah keluarga itu berupaya membina mutual expectation dalam keluarga, menghindari nushuz dan shiqaq dalam keluarga (Lihat Rajah 1).



Rajah 1: Domain asas hubungan kekeluargaan dalam Islam

KESIMPULAN

Domain asas hubungan kekeluargaan dalam inovasi kaunseling keluarga Islam ialah mawaddah dan rahmah. Domain ini bukan suatu andaian, tetapi ia merupakan suatu formula yang telah dibina oleh Allah SWT dalam hubungan kekeluargaan. Kedua-dua domain ini memberi implikasi ke atas organisasi kaunseling dan kaunselor keluarga khususnya dari segi pelaksanaan kaedah pengukuran yang standard yang dapat diaplikasikan dengan berkesan kepada klien dalam sesi kaunseling keluarga Islam. Kajian ini adalah signifikan khususnya kepada organisasi kaunseling dan para kaunselor. Melalui kajian ini, penyelidik-penyelidik dapat menggunakan domain asas hubungan kekeluargaan dan dapat merancang satu penyelidikan inovasi dalam kaunseling keluarga Islam. Selain itu, kajian ini juga signifikan kerana ia dapat menjadi pangkalan data dan dapat mengesyorkan dua domain asas hubungan kekeluargaan

yang boleh diuji oleh penyelidik-penyelidik lain untuk menjalankan penyelidikan lanjutan pada masa akan datang.

Penghargaan:

Terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menyediakan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Fundamental Research Research Scheme) UKM-PP-04-FRGS0005-2006 “Kajian penyertaan agama, konsep sendiri dan keperluan kaunseling warga tua Rumah Seri Kenangan di Malaysia” dan terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menyediakan Geran Ganjaran Penerbitan GP-K005612.

RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan. (1985). *Tarbiyyat al-awlad fi al-Islam*. al-Qahirah: Dar al-Salam li al-Tibacah wa al-Nashr.
- Ananda Kumar Palaniappan. (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Selangor: Prentice Hall.
- Goldenberg, I & Goldenberg, H. (1991). *Family therapy - An overview*. California: Brooks/Cole Publishig Company.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Ismail bin Kathir al-Qurashi al-Dimashqi. (2009). *Tafsir al-Qur'an al-cAzim*. al-Qahirah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2011). *Data dan maklumat kekeluargaan/sosial masyarakat Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2017). *Laporan data dan maklumat kekeluargaan/sosial masyarakat Islam Malaysia*.
- al-Kubaysi, Ahmad. (2003). *Falsafat Nizam al-Usrah fi al-Islam*. al-cAin: Dar al-Kitab al-Jamici.
- Mustafa Abdul Rahman Mahmud (pnys.). (1952). *Ilmu Jiwa dalam Islam*. t.tp.: t.pt.
- al-Razi, Fakhr al-Din. (t.th.). *al-Tafsir al-kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan & Sven Cederroth. (1997). *Managing marital disputes in Malaysia – Islamic mediators and conflict resolution in the Syariah Courts*. Great Britain: Curzon.
- Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat. (2016). *Konsep sakinah, mawaddah dan rahmah sebagai asas kebahagiaan rumahtangga menurut al-Qur'an: Suatu analisis berdasarkan ayat 21, Surah al-Rum*. al-Bayan-Journal of Qur'an and Hadith Studies, 14, 206-222.
- Sofyan S. Willis. (2015). *Konseling keluarga*. Bandung: Alfabeta.
- Zainab Ismail. (2001). *Proses kaunseling Islam di kalangan pasangan yang bermasalah: Satu kajian kes di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Zainab Ismail. (2016). *Praktikum bimbingan & kaunseling: Satu pengaalaman dan panduan Kepada Kaunselor*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Zuhaili, Wahbah. (2009). *Tafsir al-munir fi al-caqidah wa al-sharicah al-mahaj*. Dimasyq: Dar al-Fikr.